

26 JAN 1996

UMNO SABAH DIJANGKA BAHARUI PENDIRIAN MENGENAI ISU JAWATAN KETUA MENTERI

KOTA KINABALU, 26 Jan (Bernama) -- Umno Sabah dijangka membaharui pendiriannya untuk menentang cadangan menggilirkan jawatan Ketua Menteri di mesyuarat ketua-ketua bahagian di sini esok.

Ketua Menteri, Datuk Salleh Said Keruak sekembalinya dari Arab Saudi Ahad lepas berkata beliau akan memanggil satu mesyuarat untuk mengetahui pendirian setiap ketua Umno bahagian di negeri ini.

"Dalam mesyuarat ini saya akan menyatakan pendirian saya mengenai isu tersebut dan kemudian ketua-ketua bahagian boleh menyatakan pendirian mereka sama ada bersetuju atau tidak," katanya di sini hari ini.

Salleh, yang juga pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, berkata meskipun Umno Sabah telah memutuskan untuk menentang cadangan penggiliran itu dan telah memaklumkan pendiriannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lepas, adalah penting baginya untuk menyatakan pendirian itu sekali lagi.

Salleh dijangka melepaskan jawatannya pada 17 Mac apabila berakhirnya tempoh penggal dua tahun bagi Bumiputera Islam mengetuai kerajaan negeri mengikut sistem penggiliran seperti yang dicadangkan oleh Dr Mahathir semasa kempen pilihan raya negeri pada Februari 1994.

Cadangan menggilirkan jawatan itu di kalangan Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan kaum Cina Sabah masih menjadi isu hangat di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

Beberapa parti komponen telahpun menyuarakan pandangan mereka agar perkara itu diserahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan muktamad. -- BERNAMA.